

**PM salah dalam kes hak jagaan anak, kata peguam dan bekas hakim
Malaysian Insider
Jun 18, 2014
Oleh V Anbalagan**

Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mendakwa keputusan mahkamah yang lebih tinggi mampu menyelesaikan hak penjagaan anak pasangan berbeza agama tidak tepat, kata peguam dan bekas hakim.

Mereka mendakwa, kes yang membabitkan S Deepa dan M Indira Gandhi tidak boleh dibawa jauh daripada Mahkamah Tinggi sehingga bekas suami masing-masing memulangkan anak kepada ibunya.

Mereka berkata, bekas suami Deepa dan Indira yang memeluk Islam jelas mengingkari perintah Mahkamah Tinggi dengan tidak memulangkan anak di bawah jagaannya kepada bekas isteri masing-masing.

Bekas suami Deepa, Izwan Abdullah dan bekas suami Indira, Muhammad Ridwan Abdullah memfailkan rayuan keputusan Mahkamah Tinggi di Mahkamah Rayuan tanpa memulangkan anak di bawah jagaan mereka. Peguam berkata, kes sedemikian pernah cuba dibawa ke Mahkamah Persekutuan pada 2010 namun ditolak hakim membabitkan kes pertukaran agama yang hampir sama.

Lima panel hakim yang diketuai Tun Zaki Azmi pada 2010 menolak permohonan S Sharmala kerana menghina mahkamah setelah tindakan yang diambil kepada suaminya.

Mahkamah Tinggi pada 2002 memberi hak jagaan anak kepada Sharmala dengan syarat bekas suaminya, Dr Muhammad Ridwan Mogarajah (Jeyaganesh C Mogarajah) yang juga seorang mualaf dibenarkan berjumpa dua anaknya dan tidak dibawa ke upacara Hindu.

Ridwan terdahulu membawa anaknya untuk memeluk Islam.

Bagaimanapun, Sharmala ke luar negeri bersama anaknya pada 2004 namun mengarahkan peguam untuk meneruskan kes berkenaan.

Mahkamah Rayuan merujuk kes itu ke Mahkamah Persekutuan namun ia membabitkan isu Perlembagaan.

Peguam dan bekas hakim yang ditemubual berkata, kes Shamala mirip kepada Izwan dan Ridzuan yang melanggar keputusan Mahkamah Tinggi yang memberi hak jagaan kepada bekas isteri.

Peguam Aston Paiva yang mewakili Deepa memberitahu The Malaysian Insider, satu pendengaran awal akan difailkan kepada Izwan minggu ini.

Bekas hakim Mahkamah Persekutuan berkata, Izwan bukan saja melanggar perintah Mahkamah Tinggi tetapi melakukan jenayah kerana mengambil anak yang diputuskan oleh mahkamah untuk diberi kepada ibu.

Peguam, Benjamin Dawson berkata, tindakan Izwan dan Ridzwan menimbulkan persoalan sama ada mahkamah mahu mendengar rayuan kes itu atau tidak.

"Mereka perlu memulangkan anak berkenaan kepada ibu dan menerima apa jua keputusan kerana melanggar perintah adalah menghina mahkamah," katanya.

Ravi Neko yang merupakan peguam mewakili Shamala di Mahkamah Persekutuan berkata, pihaknya mengutarakan kepada Mahkamah Persekutuan agar permohonan itu mesti didengar berikutan keadaan khas yang berlaku dalam kes itu.

Bagaimanapun, katanya, Mahkamah Persekutuan mengabaikan tanggungjawabnya apabila tidak mendengar permohonan Sharmala atas alasan teknikal.

"Saya tidak bersetuju dengan Mahkamah Persekutuan kerana tidak membicarakan isu penting berkaitan Perlembagaan seperti hak ibu bapa dalam menentukan agama anak bawah umur," katanya. – 18 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-salah-dalam-kes-hak-jagaan-anak-kata-peguam-dan-bekas-hakim>